

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]**

TARIKH : SELASA 10 JUN 2014

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan semua kes di mana
Kementerian menggunakan Seksyen 47 Akta Kualiti Alam
Sekeliling dan jumlah tuntutan kes pembersihan dan pelupusan
buangan kepada mereka yang bertanggungjawab melakukan
pencemaran bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar. Apakah
kelemahan seksyen ini. .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 47 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 diguna pakai bagi menuntut kos ke atas kerja-kerja pembersihan dan pelupusan buangan terjadual yang telah berlaku yang tidak melebihi 6 tahun.

Sepanjang tahun 2013 sehingga kini, tiada sebarang kes pelupusan haram buangan terjadual yang dikesan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

JAS melalui Jabatan Peguam Negara sedang menuntut semula kos pembersihan dan pelupusan buangan terjadual ke atas 4 kes yang berlaku sebelum tahun 2013 melalui tuntutan sivil. Dalam pelaksanaan tuntutan, pihak JAS tidak menghadapi sebarang masalah dalam pelaksanaan seksyen ini.

Sekian, terima kasih.